



 www.moh.gov.bn  corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI SABTU

20 Syawal 1443 / 21 Mei 2022

المسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَسَلَامٌ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Semalam, Jumaat, 19 Syawal 1443 bersamaan dengan 20 Mei 2022, sebanyak **59** dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 33,176 dos iaitu **77.3%** bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak **119** dos kedua vaksin *COVID-19* telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 14,307 dos iaitu **33.3%**.
2. Sementara itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin adalah pada kadar **69.2%**.

3. Hari ini, Sabtu, 20 Syawal 1443 bersamaan dengan 21 Mei 2022, sebanyak **271 kes baru** telah dilaporkan iaitu 267 kes hasil ujian ART dan 4 kes adalah hasil dari 267 ujian makmal *RT-PCR* yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **146,315** kes. Statistik harian *COVID-19* yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*) dan **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **330 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **144,387 kes**.

- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,707 kes** iaitu 11 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,696 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Berikutan dengan situasi jangkitan COVID-19 yang pada masa ini dalam keadaan yang terkawal dan mengambilkira akan peratus vaksinasi di Negara Brunei Darussalam di tahap yang memuaskan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai penutupan Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut bermula pada hari Isnin, 22hb Syawal 1443H bersamaan dengan 23hb Mei 2022. Orang ramai yang telah membuat tempahan vaksinasi di Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut akan diberikan perjanjian baru di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup. Langkah ini telah dibuat bagi mengembalikan semula beberapa perkhidmatan di Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut. Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut akan beroperasi semula pada hari Rabu, 30 Syawal 1443 bersamaan dengan 1 June 2022 dengan memberikan

perkhidmatan-perkhidmatan sedia kala sepertimana yang tertera di skrin sekarang.

Perkhidmatan	Waktu Beroperasi
<p>1. Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi:</p> <p> 1.1. Klinik Penyakit Kronik</p> <p> 1.2. Klinik Umum (General)</p> <p> 1.3. Klinik Flu</p> <p>2. Perkhidmatan Penjagaan Ibu</p> <p>3. Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Anak</p> <p>4. Perkhidmatan Farmasi</p> <p>5. Klinik Nurse-Led</p> <p>6. Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan</p> <p>7. Perkhidmatan Permakanan Komuniti</p>	<p>Isnin hingga</p> <p>Khamis & Sabtu:</p> <p>07.45 pagi – 12.15</p> <p>tengah hari</p> <p>dan</p> <p>1.30 petang - 4.30</p> <p>petang</p>

8. Marilah kita memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dilindungi dan dijauhkan dari segala musibah. Semoga kita semua dipermudahkan segala urusan dan dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan kesihatan kita semua terjamin dan dijauhkan dari segala penyakit khususnya penyakit COVID-19. Aamiin Aamiin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 20 Syawal 1443 / 21 Mei 2022